



Zurich Malaysia dan TRCRC Berkolaborasi Melindungi Spesies Terancam dan Memulihkan Hutan Hujan di Sabah

Inisiatif Zurich Cares merupakan komitmen bersama yang berterusan untuk pemuliharaan biodiversiti, pemulihan hutan berskala besar, dan pemulihan ekologi

Kuala Lumpur, 9 September 2025 – Zurich Malaysia telah memperbaharui kerjasama dengan Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC) untuk satu tahun lagi bagi meneruskan sokongan terhadap projek Tropical Rainforest Living Collection (TRLIC) Merisuli di Sabah. Kerjasama ini merupakan sebahagian daripada Zurich Cares (Inisiatif Pemuliharaan dan Pemulihan Zurich), yang menekankan kepentingan pengurusan alam sekitar, pembinaan daya tahan komuniti, serta pendekatan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Menerusi kerjasama yang diperbaharui ini, Zurich Malaysia dan TRCRC terus menyokong usaha pemulihan hutan dan pemuliharaan biodiversiti, sambil memastikan daya tahan ekosistem Malaysia untuk jangka panjang. Usaha utama merangkumi menanam lebih 30,000 anak pokok spesies jarang ditemui untuk penanaman semula, memulihkan lebih daripada 50 hektar hutan yang rosak, serta bekerjasama dengan komuniti setempat untuk melindungi dan memperkenalkan semula spesies yang terdedah kepada ancaman. Sebahagian besar tenaga kerja projek ini terdiri daripada penduduk kampung berdekatan, sekali gus membantu peluang pekerjaan tempatan dan memastikan inisiatif ini terus dipacu oleh komuniti.

“Di Zurich Malaysia, kami memahami bahawa melindungi kesihatan alam sekitar adalah penting untuk masa hadapan yang mampan. Inisiatif Zurich Cares mencerminkan pendekatan proaktif kami dalam menangani cabaran kehilangan biodiversiti yang mendesak, dan kami berbesar hati berpeluang berganding bahu bersama TRCRC dalam misi ini. Selaras dengan komitmen kami untuk melindungi segala perkara yang bermakna, Zurich Malaysia berhasrat untuk menyumbang kepada inisiatif yang membantu daya tahan iklim tempatan,” kata Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia.

Sejak kolaborasi ini bermula pada tahun 2022, pemulihan spesies dipterokarpa telah menjadi teras usaha Zurich Cares. Dengan lebih 60 peratus spesies dipterokarpa di Borneo kini berada dalam kategori terancam, pemulihan mereka amat penting bagi membina semula struktur hutan, meningkatkan kapasiti penyimpanan karbon, serta menyediakan habitat untuk hidupan liar yang semakin kritikal. Usaha ini telah mula membuah hasil, dengan [kembalinya spesies terancam](#) seperti gajah kerdil Borneo, orang utan, burung enggang, tarsier, dan beruang matahari. Apabila hutan semakin pulih, ia dijangka menjadi perlindungan yang lebih kukuh bagi biodiversiti.

Pencapaian utama inisiatif Zurich Cares sepanjang tiga tahun yang lalu termasuk:

- 54,763 anak pokok spesies cepat tumbuh dan dipterokarpa ditanam di seluruh tapak.
- 1,000 anak pokok ditanam di bawah kempen 1 Janji 1 Pokok.
- 53.14 hektar hutan dipulihkan secara aktif, termasuk 4.17 hektar plot penanaman untuk penyelidikan.
- 34,335 anak pokok dipterokarpa, bukan dipterokarpa dan buah-buahan hutan sedang diselenggara di tapak semaian.
- 63 spesies jarang ditemui, terancam, dan sangat terancam (RTE) berjaya dipelihara di TRLIC Merisuli.
- 619 anak pokok lebihan disumbangkan kepada program pemulihan hutan lain di seluruh Sabah.



- 90 hektar kawasan berada di bawah penyelenggaraan silvikultur aktif bagi memastikan kesihatan hutan jangka panjang.
- Kadar kelangsungan hidup anak pokok sebanyak 70 peratus direkodkan setakat Disember 2023.
- 37 pokok induk RTE dikenal pasti dan ditanda untuk pengumpulan benih pada masa hadapan.
- 12 lokaliti baharu di seluruh Sabah dikenal pasti bagi tujuan sumber benih dan pemantauan biodiversiti.

“Pemuliharaan hutan hujan tropika adalah usaha yang mendesak namun amat kompleks. Banyak spesies pokok terancam yang kami usahakan mempunyai kadar regenerasi yang sangat rendah, menjadikan kelangsungan hidup mereka bergantung kepada pembiakan berasaskan sains dan penjagaan jangka panjang yang berterusan. Dengan sokongan berterusan daripada Zurich Malaysia, kami berupaya meluaskan lagi usaha pemulihan serta mewujudkan sistem ekologi yang kondusif untuk memastikan hutan ini kekal mampan. Kerjasama ini memastikan alam semula jadi bukan sahaja pulih, malah terus subur untuk generasi akan datang,” kata Dr Dzaeman Dzulkifli, Pengarah Eksekutif TRCRC.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Zurich Cares dan inisiatif kemampanan yang sedang dijalankan, sila layari <https://www.zurich.com.my/about-zurich/corporate-responsibility/zurich-cares>.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.

Tentang Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC)

Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC) merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan bukan berasaskan keuntungan, yang menumpukan terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan hutan hujan tropika serta spesies tumbuhan terancam, dengan matlamat utama untuk memulihkan hutan melalui projek pemulihan yang mampan dan berdaya saing dari segi ekonomi. Usaha ini dipacu oleh matlamat utama iaitu untuk melindungi spesies tumbuhan jarang ditemui, terancam dan sangat terancam, serta memperkenalkan semula spesies ini ke habitat asal mereka melalui inisiatif berskala landskap.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.trcrc.org.